

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan dirumuskan dapatan kajian, yang selari dengan tujuan kajian dan seterusnya dikemukakan cadangan kajian akan datang, agar kajian ini tidak terhenti setakat di sini.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Runtutan merupakan satu bidang kajian yang menarik dan dapat dikembangkan mengikut acuan bahasa Melayu. Semakin dalam kajian yang dibuat ke atas aspek runtutan, semakin banyak hubungan antara konsep yang dikenal pasti. Begitu juga dengan gabungan konsep-konsep pengetahuan tekal, yang mampu membentuk suatu konsep yang baharu. Jaringan idea yang dilihat melalui tipologi teks juga mampu menjurus ke arah satu kesatuan makna. Kesemua konsep dalam jaringan tersebut dikawal oleh pusat kawalan teks yang terdiri daripada konsep primer yang paling dominan.

Semakin panjang teks, semakin banyak konsep ditemukan. Teks yang paling panjang dalam naskah ini NS4 dengan 8 rangkap dan 33 baris, diikuti oleh NS3 yang terdiri daripada 7 rangkap dan 29 baris. Bagaimanapun, bilangan konsep terbanyak ditemukan dalam NS3, iaitu 149, manakala NS4 hanya mengumpul 125 konsep sahaja. Sejumlah 42 konsep ditemukan dalam NS11, teks terpendek yang mengandungi 11 baris. Kajian juga membuktikan bahawa konsep sekunder didapati lebih dominan daripada konsep primer dalam setiap teks. Ini kerana konsep primer berperanan sebagai titik akses atau pusat kawalan teks. Teks semakin berkembang dengan kehadiran konsep sekunder yang dikesan melalui rangkaian hubungan di antara konsep

Daripada keempat-empat konsep primer, konsep tindakan, situasi dan objek paling banyak ditemukan berbanding dengan konsep peristiwa. Ini kerana konsep peristiwa lebih berbentuk naratif. Konsep objek dianggap yang paling aktif kerana boleh membawa kepada kenekaan makna. Objek boleh hadir mendukung maknanya sendiri, ataupun menjadi lambang kepada konsep lain, selain menjadi unsur metafora. Tiga jenis objek, iaitu objek manusia, objek konkrit dan unsur alam masing-masing aktif sebagai lambang. Begitu juga dengan konsep tindakan dan situasi. Masing-masing boleh bergabung dengan konsep lain untuk membentuk metafora. Hasilnya,

enam jenis gabungan konsep metafora dikenal pasti. Kenekaan inilah yang menjadikan kajian tentang konsep bertambah unik dan menarik.

Daripada 30 jenis hubungan yang dikesan, hubungan spesifikasi, keadaan dan lokasi ditemukan dalam setiap teks yang dikaji. Hubungan kawalan merupakan yang terendah bilangannya, iaitu 2 (0.1%) sahaja.

Selain itu, enam rumusan idea penting dikenal pasti dengan menggunakan pendekatan Liya 'Budú. Keenam-enam gagasan idea ini menjurus ke arah fungsi bahasa sebagai satu ibadah untuk mentauhidkan Allah.

Sesebuah teks, tidak kira panjang atau pendek, dikatakan runtut jika mempunyai satu kesatuan pemikiran. Pemilihan konsep-konsep pengetahuan amat penting untuk menghasilkan sebuah teks yang runtut dan berkualiti. Selain itu, bahasa hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya, iaitu untuk mentauhidkan Allah, di samping menyeru ke arah kebaikan dan meninggalkan kebatilan. Shanon (1981 : 6) menyatakan bahawa karya kreatif dapat dijadikan satu saluran beribadah kepada Allah, di samping menjadi satu saluran dakwah bagi menyampaikan kebenaran yang hakiki.

Sebagai hamba Allah yang ingin menjaga hubungan baik dengan Allah, maka segala aktiviti kita di dunia ini hendaklah dipertalikan dengan Allah. Pernyataan ini bersesuaian dengan firman Allah yang antara maksudnya ialah:

Dan tiadalah orang yang lebih baik agamanya daripada orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah (dengan ikhlas), sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan.

(Surah al-Nisa : 125)

5.3 Cadangan Kajian Akan Datang

Setelah meneliti struktur permukaan teks untuk mencari makna, kajian seterusnya diharap dapat berfokus kepada struktur dalaman teks secara kritis. Penggarapan aspek runtutan sebagai asas untuk menyelami wacana media seperti teks berita televisyen, rencana pengarang, iklan dan yang seumpamanya didapati masih belum diusahakan oleh pengkaji bahasa di negara ini.

